

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG
[KLUANG]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 50

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Parlimen bercadang untuk memuat naikkan segala dokumen Parlimen, laporan agensi, jawapan soalan Parlimen dalam web rasmi Parlimen untuk kegunaan orang ramai sebagai salah satu usaha rombakan Parlimen, apakah pendirian Parlimen mengenai inisiatif <http://pardocs.sinarproject.org/> ini.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA DATO' OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, laman web Parlimen Malaysia sedang dalam proses untuk ditransformasikan supaya lebih tersusun, informatif, menarik dan mesra pengguna.

Parlimen Malaysia mengambil maklum mengenai cadangan Yang Berhormat untuk memuat naik dokumen Parlimen dan laporan agensi di dalam web rasmi Parlimen. Kesesuaian pelaksanaannya perlu diperhalusi bagi memastikan ia dapat dibuat dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.